

11/05/2001

15 pelajar UPM sertai pertandingan di AS

Mohd Feroz Abu Bakar

PELAJAR Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi kumpulan pelajar pertama dari universiti awam menyertai Pertandingan Prototaip Traktor Berskala 1/4, di Amerika Syarikat, dan berazam mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Pertandingan anjuran Persatuan Jurutera Pertanian Amerika Syarikat (ASAE) itu juga merupakan yang pertama disertai negara luar kerana sejak tiga tahun lalu, hanya reka cipta dari Amerika Syarikat (AS) dipertandingkan.

Lebih membanggakan, sekumpulan 15 pelajar dan lima kakitangan fakulti berkenaan akan bersaing dengan reka cipta pelajar dari beberapa universiti terkemuka AS dalam bidang kejuruteraan pertanian, termasuk universiti dalam Ivy League.

Antaranya ialah Purdue University, University of California dan University of Illinois, di samping 30 universiti lain.

Dalam pertandingan kali keempat itu, kira-kira 35 reka cipta dari 33 universiti akan bersaing dan dipamerkan untuk dinilai oleh hakim dari ASAE, persatuan terunggul di peringkat antarabangsa dalam bidang berkenaan.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, UPM, Prof Madya Dr Azmi Yahya, berkata pertandingan berkenaan akan berlangsung selama tiga hari bermula 3 Jun ini.

Katanya, penyertaan dalam pertandingan berprestij itu adalah hasil inisiatif pelajar iaitu 12 pelajar ijazah pertama dan tiga pelajar siswazah yang ingin membuktikan kewibawaan universiti Asia khususnya dari negara ini dalam bidang kejuruteraan pertanian.

Selain komitmen pelajar yang amat tinggi, katanya, kejayaan untuk mereka cipta dan membina prototaip berkenaan juga hasil sokongan padu beberapa syarikat swasta yang menjadi penaja sama ada dari segi kewangan dan barang.

Antaranya ialah Sapura Holding yang menyediakan dana sebanyak RM150,000, Takaful Malaysia (RM8,000) manakala Tractors Malaysia Holdings dan Agriculture Machinenery Engineering menyediakan komponen mekanikal.

"Kumpulan pelajar ini mengambil keputusan untuk menyertai pertandingan pada Februari lalu dan merangka strategi, reka bentuk, binaan serta menganggarkan kos penyertaan yang berjumlah RM215,000.

"Penyertaan pelajar ke pertandingan ini mendapat dorongan kuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri hingga membolehkan mereka kini mengumpulkan dana sebanyak RM160,000.

"Kami berharap pihak swasta terus menyumbangkan dana untuk mencukupkan jumlah RM215,000 kerana penyertaan mereka amat dinanti-nantikan oleh penganjur," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Rombongan UPM seramai 20 peserta termasuk Dr Azmi dan Ketua Rombongan, Dr Abdul Rashid Mohamed Sharif akan berlepas pada 28 Mei ini manakala prototaip traktor akan diterbangkan pada 18 Mei.

Pertandingan akan berlangsung di East Moline, Illinois, kawasan perindustrian pertanian terbesar di AS.

Penganjur menyediakan enjin 16 kuasa kuda dan dua tayar belakang traktor kepada semua peserta dan terpulang kepada pencipta untuk membina prototaip yang dapat menarik beban paling berat.

Selain itu, penilaian juga dilakukan dari segi keselamatan, reka bentuk,

daya pengeluaran, penyelenggaraan, kerja berpasukan, persembahan lisan, laporan bertulis, penjanaaan tajaan dan laman web.

Sementara itu, Pengurus Pasukan, Gew Soon Kiat, berkata prototaip Kumpulan Belantara itu dicipta agar tahan lasak dan mampu melakukan pelbagai kerja di kawasan rata dan tidak rata di negara tropika.

Selain itu, prototaip yang belum dinamakan itu mudah dan selesa dikendalikan.

Untuk memastikan keselamatan, beliau yang juga pelajar Sarjana Sains berkata, tempat duduk prototaip traktor itu dilengkapi dengan peralatan elektronik yang memastikan enjin hanya boleh dihidupkan jika pengendalinya duduk di tempat pemandu.

Penolongnya yang juga pelajar tahun ketiga jabatan itu, Gan Hai Keong, berkata pihaknya menghantar lebih 2,000 surat untuk mendapat tajaan tetapi hanya beberapa syarikat yang menjawab semula dan bersetuju untuk memberi dana atau barang.

Katanya, dengan moto 'Perjalanan 1,000 batu bermula dengan satu langkah' mereka tidak pernah kecewa dan terus berusaha untuk mendapat dana hinggalah dapat menyampaikan surat memohon sokongan daripada Dr Mahathir.

Walaupun masih dalam pembinaan, pembaca boleh mengunjungi laman web reka cipta berkenaan yang akan turut dipertandingkan di url [www.geocities.com/belangtara\\_upm/](http://www.geocities.com/belangtara_upm/).

Pemenang tiga tempat teratas akan menerima plak, trofi pengembaraan, wang tunai, salinan laporan kepada penaja korporat dan mempersembah rekaan mereka ke Konvensyen Kebangsaan ASAE 2001.

Hadiah juga disediakan untuk laporan bertulis (termasuk laporan berkenaan disiarkan dalam laman web [www.asae.org](http://www.asae.org)), hadiah untuk persembahan terbaik, prototaip yang dapat menarik beban paling berat dan beberapa aspek lain.

(END)